



## DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

### DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>MPKK.JP/BP(ST) 2022 (42)</b>
<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>SEBUTHARGA MEMBEKAL FIREWALL BARU FORTINET (FortiGate-201F-NGFW Firewall)</b>
<b>KOD BIDANG PENDAFTARAN</b>	<b>210107 - (ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti Virus)</b>

<b>Bil.</b>	<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>1.</b>	<b>Notis Sebut Harga</b>	<b>2</b>
<b>2.</b>	<b>Syarat-syarat Am Sebut Harga</b>	<b>3- 4</b>
<b>3.</b>	<b>Surat Akuan Pembida</b>	<b>5</b>
<b>4.</b>	<b>Borang Tawaran Sebutharga 'B'</b>	<b>6-7</b>

### **MUSTAHAK**

**SILA BACA SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA DAN ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA DENGAN TELITI. KEGAGALAN PIHAK TUAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT BERKENAAN AKAN MENYEBABKAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**



## DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

### NOTIS TAWARAN PELAWAAN

NO. SEBUT HARGA	MPKK.JP/BP(ST) 2022 (42)
TAJUK SEBUT HARGA	SEBUTHARGA MEMBEKAL FIREWALL BARU FORTINET (FortiGate-201F-NGFW Firewall)
KOD BIDANG PENDAFTARAN	210107 - (ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti Virus)

TARIKH TUTUP	30 Jun 2022
MASA	12.00 Tengahari

Sebut Harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berpengalaman dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang :**

**210107 -  
(ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti Virus)**

- ✓ Tempoh notis **3 hari** sahaja.
- ✓ Sebut Harga boleh diurus melalui surat, atau emel.
- ✓ Tempoh sahlaku Sebut Harga adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup sebut harga tersebut.
- ✓ Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.



## **SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut Harga.

1. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian **Kewangan bertaraf Bumiputera**.

### **2. HARGA**

2.1. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

2.2. Risalah (*brochures*), catalog (*catalogue*) dan lain-lain dokumen hendaklah disertakan dalam Sebut Harga (jika berkaitan). Butiran yang ditawarkan hendaklah dicatatkan dengan terang. Item yang ditawarkan mestilah ditandakan dengan jelas.

2.3. Jenama (*brand*), nombor model (jika ada) dan negara pembuat hendaklah dinyatakan dengan jelas, jika tidak Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

2.4. Borang sebut harga yang tidak bersih dan dipinda-pinda atau spesifikasi yang diberi dibatalkan, tidak akan diterima.

### **3. PEMERIKSAAN**

MPKK sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

### **4. PENERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN**

4.1. Penerimaan barang hanya akan dibuat setelah barang-barang diperiksa oleh pihak Bendahari dan/atau wakil-wakil yang telah diberi kuasa.

4.2. Semua barang yang dibekalkan mestilah barang-barang keluaran semasa baru, tulen serta belum digunakan kecuali bagi tujuan ujian mutu di kilang pembuat (*static running*).

4.3. MPKK diberi kuasa berhak membuat penolakan terhadap bekalan barang barang yang rosak atau yang tidak mengikut spesifikasi. Penyebut Harga hendaklah menggantikan barang-barang tersebut dan kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.



## **DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

- 4.4 Barang yang dibekal hendaklah dijamin dari kecacatannya semasa penerimaan dibuat dan jika terdapat kecacatan Penyebut Harga hendaklah mengantikannya/membaiki kecacatan dengan percuma.
- 4.5 Barang-barang yang kualitinya rendah ataupun yang berlainan dari yang di Setuju Terima dalam Sebut Harga boleh ditolak.
- 4.6 Apabila diminta, Penyebut Harga hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Majlis Perbandaran Kulim segala perbelanjaan atas barang yang ditolak.

### **5. BAYARAN**

- 5.1 Pembayaran bagi tiap-tiap satu bekalan akan dibuat oleh Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Kulim setelah inbois serta dokumen lengkap diterima oleh Bahagian Perolehan. Bayaran penuh kepada pembekal tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki.

### **6. DENDA LEWAT**

- 6.1. Jika Penyebut Harga yang berjaya, gagal menghantar barang-barang yang dipesan di dalam tempoh yang dicatatkan di Borang Sebut Harga, maka denda sebanyak 1% daripada nilai barang yang belum dihantar akan dikenakan bagi tiap-tiap minggu atau sebahagian minggu yang lewat tertakluk kepada maksimum 10%.

### **7. TAWARAN ALTERNATIF**

- 7.1. Penyebut Harga hanya boleh memberi satu (1) tawaran sahaja untuk tiap-tiap satu 'item'. (Tawaran pilihan 'alternatif' tidak akan dipertimbangkan).



**SURAT AKUAN PEMBIDA**

BAGI

**SEBUTHARGA MEMBEKAL FIREWALL BARU FORTINET (FortiGate-201F-NGFW Firewall). MPKK.JP/BP(ST) 2022 (42)**

Saya,.....nombor K/P.....yang mewakili.....nombor. Pendaftaran..... dengan ini mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Kulim atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Kulim atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

Tandatangan

Nama & No. KP:

Tarikh:

Cop Syarikat:



## DOKUMEN SEBUT HARGA 'B' UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

ITEM	KETERANGAN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	HARGA (RM)
1	Fortigate-201F			
1.1	Fortigate-201F 24x7 UTP bundle (1 year)	1 unit		
1.2	Unified Threat Protection (UTP), IPS, Advanced Malware Protection			
1.3	FG-201F-BDL-950-12			
2	SFP Module and Fiber Patch Cord			
2.1	Fortigate 1GE SFP SX transceiver, FN-TRAN-SX	1 unit		
2.2	Cisco GLC-SX-MMD transceiver module	1 unit		
2.3	LC-LC Fiber Optic Patch Cord Multimode 2 Meter	2 unit		
3	Services			
3.1	Project Management Services, On-Site Support, Mobilization, Installation, Testing, Commissioning, Labelling and Documentation	1 unit		
3.2	12 Month On-Site Warranty Support			
<b>JUMLAH</b>				

Harga yang ditawarkan adalah bersih, dan

Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....MINGGU

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
Penyebutharga:.....

Nama dan K/P :.....

Tarikh :.....  
Alamat :.....  
Syarikat :.....

**SENARAI SEMAK SEBUTHARGA (B)  
( BEKALAN / PERKHIDMATAN )**

**NO. SEBUTHARGA : \_\_\_\_\_**

Sila tandakan  /  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

<b>Bil .</b>	<b>Perkara/Dokumen</b>	<b>Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Penilaian</b>	<b>Untuk Di tanda Oleh Jabatan Bendahari</b>	<b>Catatan</b>
1.	Borang Tawaran Sebutharga 'B'	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
2.	Satu Set Salinan Fotostat Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di atas dan Sijil Taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
3.	Katalog/Brosur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Jika berkaitan
4.	Borang Penilaian Sebut Harga 'B' Yang Telah Diisi Dengan Lengkap (Lampiran 2)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
5.	Senarai Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga 'B' (Lampiran 4)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
6.	Bukti Notis Sebutharga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan
7.	Surat Akuan Pembida (Lampiran F)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Wajib disertakan